

01/07/1999

Majoriti dua pertiga kukuhkan kerajaan

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) mesti mengekalkan kemenangan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum akan datang untuk membentuk sebuah kerajaan yang kuat.

Menurut Perdana Menteri, kemenangan itu juga penting bagi menghalang mana-mana parti komponen atau wakil rakyatnya daripada mengancam atau menggugat kekuatan dan kestabilan kerajaan.

Sehubungan itu, beliau yang juga Pengerusi BN menjelaskan hasrat untuk kemenangan majoriti dua pertiga bukan bertujuan untuk meminda Perlembagaan seperti dakwaan pembangkang, walaupun kedudukan itu membolehkan BN berbuat demikian.

"Apa yang lebih penting ialah untuk mengadakan sebuah kerajaan yang kuat, tidak boleh diugut dan diancam mana-mana parti ataupun ahli yang berkata bahawa mereka akan masuk parti lawan kalau kita tak layan mereka.

"Kalau kita terancam macam itu, kita tidak mungkin dapat dirikan sebuah kerajaan berkesan kerana kita selalu berada dalam ketakutan. Jadi jangan fikir kita nak dua pertiga ini semata-mata kerana nak pinda Perlembagaan," katanya.

Bercakap pada sidang akhbar selepas melancarkan Gerak Mesra Wanita anjuran Pergerakan Wanita Umno di sini hari ini, Dr Mahathir berkata soal meminda Perlembagaan seperti didakwa pembangkang tidak pernah timbul.

"Kita tak pinda Perlembagaan sudah berapa lama dah," katanya.

Presiden Umno itu berkata, dalam ucapannya pada majlis itu yang diadakan secara tertutup, beliau menekankan pentingnya mengekalkan majoriti dua pertiga dalam pilihan raya umum akan datang.

Hadir sama isterinya, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri merangkap Naib Presiden parti yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam pilihan raya umum pada 25 dan 26 April 1995, BN memperolehi majoriti lebih dua pertiga iaitu 161 kerusi berbanding tujuh yang dimenangi Pas, DAP (9) dan Parti Semangat 46 (6).

Sementara itu, mengulas mengenai tanggungjawab wanita, Dr Mahathir mengakui mengenai pentingnya wanita menyumbang kepada pembangunan kerana separuh daripada ahli Umno adalah wanita.

Menurutnya, parti, masyarakat dan negara akan menjadi lemah jika tidak menggunakan tenaga dan kepakaran wanita.

"Wanita juga lebih serius daripada lelaki, umpamanya penuntut universiti. Sementara pelajar lelaki tidak menumpukan kepada pelajaran, wanita memberi tumpuan kepada pelajaran hinggakan hari ini ramai jurutera, peguam dan doktor adalah wanita.

"Pelajar lelaki lebih menumpukan kepada perkara lain. Mereka lebih berminat untuk berdemonstrasi dan sebagainya," katanya.

Ditanya sama ada pengiktirafan itu bermakna wanita akan diberi lebih kerusi dalam pilihan raya akan datang, Perdana Menteri berkata: "Kalau mereka layak, kita akan beri mereka tempat.

"Kita akan timbang jika ada peluang... tetapi, lelaki ini kadang-kadang tidak mahu beri ruang."

Wanita Umno kini mewakili 1,264,480 juta atau 45.5 peratus daripada 2,771,768 ahli parti itu di seluruh negara.

Sementara itu, mengulas kes kematian seorang pelajar mangsa langgar lari kerana kononnya tidak diberi rawatan sewajarnya oleh kakitangan perubatan

hospital kerajaan, Dr Mahathir yakin perkara itu tidak disengajakan.

"Kes ini kadang-kadang berlaku tetapi saya tidak fikir ia disengajakan. Jika tiada doktor yang layak dan mereka tidak dapat memberi rawatan, mereka akan nasihat supaya (pesakit) dihantar ke hospital pakar," katanya.

Mangsa terbabit, Liang Thian How, 18, didakwa tidak diberi rawatan oleh Hospital Seberang Jaya dengan alasan tiada doktor pakar.

Pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin, Bukit Mertajam, itu yang mendapat 7A dalam ujian sekolahnya, dimasukkan ke sebuah hospital swasta empat jam kemudian, tetapi meninggal dunia akibat kehilangan darah.

Dr Mahathir berkata, kebanyakan hospital kerajaan tidak mempunyai kakitangan perubatan yang mencukupi, termasuk doktor berikutan perpindahan ke hospital swasta.

Selain itu, katanya, kekurangan doktor, terutama doktor Melayu berpunca daripada sikap pelajar Melayu sendiri yang lebih suka mengambil kursus yang lebih mudah.

"Mereka tidak mahu belajar perubatan kerana ia mengambil masa yang lama dan keadaan di tempat kerja yang sukar.

"Oleh itu, jika kita tidak bersedia untuk belajar perubatan dan meningkatkan bilangan doktor, kita tidak mempunyai hak untuk membuat aduan," katanya.

(END)